

**PENGAMALAN CIRI-CIRI KEPIMPINAN RASULULLAH DALAM
KALANGAN GURU-GURU BESAR**

MD MOHIDEN BIN MOHD JAFFAR

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat
Peanganugrahan Ijazah Sarjana Pendidikan
(Pengurusan dan Pentadbiran Pendidikan)

Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

JUN 2013

DEDIKASI

**Kepada Allah yang maha agong ku panjatkan syukur yang tiada penghujung.
Solawat dan salam untuk Rasulullah s.a.w. pemimpin ummah seluruh alam.**

Khas untuk,

**Ayahanda Haji Mohd. Jaffar dan ibunda Hajjah Wagnah yang tersayang,
yang sentiasa mendoakan kejayaanku serta pemberi perangsang setiap waktu.**

**Isteriku tercinta Noraini Binti Japri,
yang sentiasa setia di sisi, rakan sewaktu berjuang,
teman sewaktu gembira, pengubat diwaktu duka, penawar ketika lara.
Pengorbananmu takkan ku persia.....**

**Anak-anak yang dikasihi menjadi penghibur di sanubari.
Khadijatul Husna, Mohd. Umar Rashid, Mohd Fakhrurazi,
Halimatu Saadiah, Mohd Ali Hassan, Mohd Othman Ariff,
Fatimatuz Zaharah dan Mohd Sufian Amin
Semuga kalian menjadi anak-anak yang berjaya,yang soleh dan solehah**

**Guru-guruku yang ku hormati, membimbing, mendidik tidak terperi,
jasa dan baktimu ku sanjungi, tetap bersemadi di dalam memori.
Semuga keberkatan sentiasa mengiringi.**

**Teman seperjuangan yang diingati, peristiwa semalam kita lalui,
seribu dugaan onak dan duri, menjadi bekalan kejayaan ini.
Semuga kesejahteraan bersama kita, setiap masa.**

Sesungguhnya nikmat kejayaan ini adalah milik kita bersama....

**Ya Allah... berilah kami semua kebahagiaan hidup di dunia
dan juga di akhirat. Aa miinn...**

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang maha pemurah lagi maha mengasihani, solawat dan salam ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad s.a.w., ke atas seluruh ahli keluarganya, para sahabat dan kepada kaum muslimin dan muslimat seklian.

Alhamdulillah, terlebih dahulu saya memanjatkan kesyukuran kehadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah rahmat dan izinnya saya telah dapat menyiapkan laporan projek kajian pendidikan peringkat sarjana ini. Dikesempatan ini juga saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Dr. Lokman Bin Mohd. Tahir selaku penyelia projek ini yang telah banyak memberi bimbingan, teguran dan tunjuk ajar kepada saya sehingga projek ini berjaya disiapkan.

Tidak lupa juga kepada guru-guru pendidikan Islam dan j-Qaf sekolah-sekolah kebangsaan Daerah Pontian, yang memberi kerjasama yang sepenuhnya sepanjang kajian ini dijalankan. Tidak ketinggalan kepada rakan-rakan seperjuangan dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan projek ini.

Semuga segala khidmat bakti dan kerjasama yang diberikan akan diberkati dan dirahmati dan dikira sebagai ibadah di sisi Allah s.w.t.

Terima Kasih.

**Md Mohiden Bin Mohd. Jaffar
No. 84 Kg. Melayu Raya, Rezab 1,
81500 Pekan Nenas, Pontian, Johor.**

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pengamalan ciri-ciri kepimpinan Rasulullah dalam kalangan guru-guru besar sekolah-sekolah kebangsaan di Daerah Pontian dari sudut pandangan guru-guru Pendidikan Islam dan j-QAF. Kajian ini juga bertujuan untuk meneliti sama ada terdapatnya perbezaan antara pengamalan ciri-ciri kepimpinan Rasulullah dalam kalangan guru-guru besar berdasarkan jantina guru besar. Selain itu juga, bertujuan untuk mengenalpasti nilai yang kurang diamalkan oleh guru besar dalam pentadbiran di sekolah. Kajian ini dijalankan di 55 buah sekolah rendah dengan menjadikan seramai 120 orang guru pendidikan Islam dan j-Qaf sebagai responden. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah soalselidik yang dibina sendiri untuk kajian dan telah dianalisis menggunakan program *S.P.S.S. for Windows..* Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru-guru mengakui sebahagian besar ciri-ciri kepimpinan Rasulullah yang dikemukakan iaitu 13 amalan kepimpinan Rasulullah yang telah oleh guru besar-guru besar di sekolah kebangsaan yang menjadi lokasi kajian. Dapatan membuktikan bahawa dalam mentadbir dan memajukan sekolah pihak guru besar sentiasa merujuk kepada ajaran Rasulullah dalam memimpin sekolah ke arah keberkesanan.

ABSTRACT

This research to is try to investigate prophet's leadership attributes in all headmasters in primary national school in Pontian District from Islamic Education and j-QAF teachers' point of view. The research is also to identify the attributes that are less practised by the headmasters in schools organization. This research was done in 55 primary national school with 120 Islamic Education and j-QAF teachers as the respondents. Instrument that was used in this research was built using SPSS for Windows programme. Results from the research showed that teacher admitted that 13 of our prophet's leadership attributes have been instilled in all the headmasters leadership in schools. It showed that in managing and developing the schools, headmasters will always refer to our prophet's teaching in directing the school to excellence.

Kandungan

Bab Perkara	Halaman
Halaman Judul	i
Halaman Pengakuan	ii
Halaman Dedikasi	iii
Halaman Penghargaan	iv
Abstrak	v
Abstract	vi
Kandungan	vii
Senarai Jadual	xi
Senarai Simbol	xiii
Senarai Lampiran	xiv

1 Pendahuluan

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Masalah	6
1.3	Pernyataan Masalah	7
1.4	Objektif Kajian	8
1.5	Persoalan Kajian	9
1.6	Kepentingan Kajian	9
1.7	Skop Kajian	11
1.8	Batasan Kalian	11
1.9	Definasi Operasional	12
1.10.1	Pengenalan	12
1.10.2	Ciri-Ciri	12
1.10.3	Kepimpinan Rasulullah	12
1.10.4	Guru Besar-Guru Besar	13

1.10 Rumusan	13
2.0 Kajian Literature	
2.1 Pendahuluan	15
 2.2 Latar Belakang Kajian	15
2.2.1 Konsep Kepimpinan	15
2.2.2 Definasi Kepimpinan Yang Di Sebut Di Dalam Al-Quran	19
2.2.3 Perinsip-Perinsip Kepimpinan Islam	20
2.2.4 Ciri-Ciri Kepimpinan Islam	21
2.2.5 Ciri-Ciri Sifat Asas Pemimpin (Menurut Al-Quran)	26
 2.3 Kepimpinan Dalam Islam	28
2.3.1 Difinisi Kepimpinan Islam Dan Falsafah Kepimpinan Islam	28
2.3.2 Prinsip-Prinsip Kepimpinan Rasulullah	30
2.3.3 Ciri-Ciri Kepimpinan Rasulullah	36
2.3.4 Rasulullah (Saw) Sebagai Pemimpin	37
2.3.5 Perkara-Perkara Yang Menjadi Keutamaan Rasulullah	38
 2.4 Peranan Dan Tanggungjawab Guru Besar Sebagai Pemimpin Di Sekolah	52
 2.5 Kesimpulan	60
3.0 Metodologi	
3.1 Pengenalan	61
3.2 Reka Bentuk Kajian	61
3.3 Lokasi Kajian	62

3.4	Persampelan	62
3.5	Instrumen Kajian	63
3.5.1	Pengumpulan Data	66
3.5.2	Analisis Data	67
3.5.3	Pengukuran Tahap Pengamalan Ciri Kepimpinan Rasulullah	67
3.6	Kajian Rintis	69
3.7	Rumusan	70
4.0	Dapatan Kajian	
4.1	Pengenalan	71
4.2	Latar Belakang Responden	72
4.2.1	Jantina	72
4.2.2	Agama	73
4.2.3	Gred Jawatan	73
4.2.4	Pengalaman Mengajar	74
4.2.5	Kelulusan Ihktisas Tertinggi	74
4.2.6	Lama Berkhidmat	75
4.3	Latar Belakang Guru Besar Dan Sekolah	76
4.3.1	Jantina Guru Besar	76
4.3.2	Gred Kelulusan Tertinggi Guru Besar	77
4.3.3	Lama Menjadi Guru Besar	78
4.3.4	Jenis Gred Sekolah Kebangsaan	79
4.3.5	Aktiviti Kegamaan Yang Dirancang Dan Dilaksanankan Sepanjang Tahun	80

4.4	Analisis Mengenalpasti Amalan Kepimpinan Rasulullah Yang Diamalkan Oleh Guru Besar Dalam Pentadbiran Di Sekolah	81
4.4.1	Keikhlasan Kepada Allah Dan Sentiasa Mencari Keredaan Allah	81
4.4.2	Bersifat Siddiq (Benar)	84
4.4.3	Sifat Amanah (Jujur)	86
4.4.4	Bersifat Tabliq (Menyampaikan)	88
4.4.5	Bersifat Pathonah (Bijaksana)	91
4.4.6	Bertanggungjawap	93
4.4.7	Adil	95
4.4.8	Berfikiran Jauh	97
4.4.9	Bekerja Secara Kolektif	99
4.4.10	Terbuka Dalam Menentukan Keputusan	101
4.4.11	Tegasan Dan Tetap Pendirian	103
4.4.12	Mesra Rakyat	104
4.4.13	Pengorbanan	106
4.5	Analisis Amalan Yang Dilaksanakan Oleh Guru Besar Yang Menjadi Penyumbang Kepada Peningkatan Kometmen Guru Terhadap Tugas Di Sekolah	109
4.6	Analisis Persoalan Kajian	110
4.6.1	Apakah Tahap Amalan Kepimpinan Rasulullah Yang Diamalkan Oleh Guru Besar Di Sekolah Yang Dikaji	110
4.6.2	Apakah Tidak Terdapatnya Perbezaan Antara Pengamalan Ciri-Ciri Kepimpinan Rasulullah Didalam Kalangan Guru-Guru Besar Dengan Jantina.	111

4.6.3 Apakah Terdapatnya Hubungan Yang Signifikan Antara Pengalaman Ciri-Ciri Kepimpinan Rasulullah Dalam Kalangan Guru-Guru Besar Dengan Pengalaman Mengajar.	112
4.6.4 Apakah Terdapatnya Hubungan Yang Signifikan Antara Pengamalan Ciri-Ciri Kepimpinan Rasulullah Didalam Kalangan Guru-Guru Besar Dengan Aktiviti Pengalaman Dirumah	113
5.0 Rumusan, Perbincangan Dan Cadangan	
5.1 Pengenalan	114
5.2 Rumusan	115
5.3 Perbincangan Dan Kesimpulan	119
5.3.1 Aktiviti Keagamaan Yang Dirancang Dan Dilaksanakan Sepanjang Tahun	119
5.3.2 Amalan Kepimpinan Rasulullah Yang Diamalkan Oleh Guru Besar Di Sekolah Yang Dikaji	121
5.3.3 Apakah Tidak Terdapatnya Perbezaan Antara Pengamalan Ciri-Ciri Kepimpinan Rasulullah Didalam Kalangan Guru-Guru Dengan Jantina.	121
5.3.4 Apakah Terdapatnya Hubungan Yang Signifikan Antara Pengamalan Ciri-Ciri Kepimpinan Rasulullah Didalam Kalangan Guru-Guru Besar Dengan Pengalaman Mengajar.	122
5.3.5 Apakah Terdapatnya Hubungan Yang Signifikan Antara Pengamalan Ciri-Ciri Kepimpinan Rasulullah Di Dalam Kalangan Guru-Guru Besar Dengan Aktiviti Pengamalan Di Rumah	123

5.4	Cadangan Kajian	124
5.4.1	Cadangan Tindakan	124
5.4.2	Cadangan Kajian Lanjutan	125
5.5	Penutup	126
 RUJUKAN		 127
 LAMPIRAN		 131
 Borang Soal Selidik		

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Sekolah merupakan satu wadah untuk menuntut ilmu pengetahuan secara formal. Ia bukan sahaja berperanan sebagai tempat untuk menimba sebanyak mungkin ilmu pengetahuan, malah ianya juga merupakan tempat mendidik murid agar mempunyai keseimbangan dari segi perkembangan jasmani, emosi, rohani dan intelek bagi menyediakan diri bagi menghadapi alam kedewasaan. Peranan sekolah sebagai wadah pendidikan ini seharusnya mempunyai hala yang jelas ke arah memperkembangkan potensi murid semaksima yang mungkin. (Hussein Mahmood, 1997)

Sebagaimana yang telah termaktub di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu “Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu umtuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelak, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, keterampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga masyarakat dan Negara”.

Misi Kementerian Pelajaran Malaysia adalah “ untuk membangunkan sistem pendidikan yang berkualiti bertaraf dunia bagi memperkembangkan potensi individu dan memenuhi aspirasi negara dengan bermatlamat untuk melahirkan bangsa Malaysia yang taat setia serta bersatu padu, melahirkan insan beriman, berakhhlak mulia, berilmu,

berketerampilan; menyediakan sumber tenaga manusia untuk keperluan kemajuan negara dan memberi peluang pendidikan kepada semua warganegara.

Untuk mencapai matlamat tersebut, pemimpin sekolah iaitu guru besar atau pengetua sekolah berperanan merancang dan melaksanakan setiap aktiviti di sekolah dengan gaya kepimpinan dan kebijaksanaan masing-masing bagi mencapai wawasan tersebut. Pemimpin yang baik bukanlah pemimpin yang ditakuti, tetapi pemimpin yang dihormati serta sentiasa memberi inspirasi kepada orang-orang di bawah pentadbirannya untuk terus bermotivasi dengan penuh dedikasi di dalam melaksanakan tugas sehari-hari. Menurut Abdul Ghani Abdulllah, Abd. Rahman Abd Aziz, Mohammed Zohir Ahmad (2010), seorang pengetua atau guru besar berfungsi sebagai pemimpin dari segi kedudukan mahupun mempunyai tingkah laku tertentu adalah ditentukan oleh hasil kombinasi interaksi tuntutan persekitaran pentadbiran sekolah. Tiga keadaan yang membezakan persekitaran pentadbiran sekolah ciri sekolah sebagai institusi morel, kewujudan tenaga kerja yang tetap dan autonomi (persekitaran sosial sekolah) yang ditentukan oleh gesaan yang berterusan oleh pihak yang ada kepentingan. (Hussein Mahmood, 1993).

Dalam memimpin sekolah pihak pengetua atau guru besar perlu memilih gaya kepimpinan yang tersendiri bagi memastikan organisasi sekolah yang dipimpinnya itu mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Menurut Lokman (2011), faktor yang mempengaruhi pemilihan corak kepimpinan boleh diklasifikasikan kepada dua faktor utama iaitu faktor dalaman pemimpin itu sendiri dan faktor luaran diri pemimpin. Faktor dalaman lebih merujuk kepada ciri demografi seperti jantina, umur dan latihan. Manakala faktor luaran ialah budaya organisasi yang dilihat mempengaruhi pemilihan stail kepimpinan. Dalam membincangkan konteks ini, kepimpinan Nabi Muhammad S.A.W. Rasulullah yang membawa syariat Islam dianggap pengasas kepada pengamalan prinsip-prinsip dan ciri-ciri kepimpinan Islam itu sendiri. Menurut Hilmy Bakar Almascaty (1995), syariat adalah undang-undang Allah s.w.t. yang mengatur kehidupan umat manusia agar tercipta keamanan, kedamaian dan keadilan di muka bumi ini, ia meliputi aspek hubungan manusia dengan Allah s.w.t. manusia dengan manusia dan manusia dengan semua makhluk.

Rasulullah adalah seorang pemimpin yang disanjung tinggi oleh pengikutnya dan pemimpin yang disegani oleh musuhnya. Di antara perkara-perkara penting yang menyebabkan baginda menjadi pemimpin yang unggul ialah: a) Sebelum memimpin orang lain Nabi Muhammad sentiasa mengawal dan memimpin dirinya sendiri terlebih dahulu; b) Baginda sentiasa menjaga tutur katanya sehingga baginda tidak berbicara melainkan kata-kata yang benar, indah dan bermakna; c) Baginda menjaga mata daripada melihat perkara yang boleh merosakkan hatinya; d) Baginda juga berjaya memimpin nafsu keinginan dan memimpin keluarganya dengan cara yang terbaik sehingga baginda mampu memimpin umat dengan cara yang terbaik dan cemerlang.

Nabi Muhamad S.A.W telah memperlihatkan kepimpinannya tidak hanya menyuruh dan melarang tetapi baginda berjaya memimpin dengan contoh dan teladan yang terbaik. Sebagai pemimpin baginda sentiasa melakukan tugasnya terlebih dahulu sebelum memerintahkan individu lain melakukannya. Contoh dan teladan ini penting kerana setiap kata-kata pemimpin perlu selari dengan apa yang dilakukannya. Dalam Surah As- saf ayat 3 Allah telah menyatakan yang maksudnya :

“ Amat besarlah kebencian di sisi Allah apabila kamu mengatakan apa yang tidak kamu lakukan”

Berdasarkan kepada ajaran Rasulullah memimpin tidak hanya menggunakan akal dan fizikalnya tetapi memimpin dengan hatinya. Rasulullah mencurahkan rasa cintanya kepada para sahabat sehingga setiap individu dapat merasakan cintanya dengan penuh kasih sayang, tutur kata dan tingkah lakunya yang menawan menjadi rahmat ke sekalian alam. Dalam memimpin masyarakat Rasulullah sentiasa bermesyuarat dengan sahabat-sahabatnya dalam meancang atau melaksanakan sesuatu perkara, sebagaimana yang telah diperintahkan oleh Allah S.W. T. dalam suarah Ali Imran ayat 159 :

“ Dan bermasyuaratlah dengan mereka “.

Ketika mempengerusikan mesyuarat, Rasulullah sentiasa menghargai pendapat yang baik dan menerima sekiranya ia membawa kebaikan kepada semua. Rasulullah juga

sentiasa bersikap berlemah lembut, pemaaf dan sentiasa memohon keampunan kepada Allah S.W.T. Rasulullah bersabda yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim yang bermaksud :

“ Kamu adalah pemimpin, maka kamu akan diminta bertanggungjawab di atas kepimpinannya. Begitu juga suami adalah pemimpin keluarga, maka mereka akan diminta supaya bertanggungjawab atas kepimpinanNya. Isteri juga adalah pemimpin (rumah tangga suaminya) maka akan diminta menjalankan tanggungjawabnya. Pelayan juga adalah pemimpin (atas harta tuannya) maka akan diminta supaya bertanggungjawab terhadap pengurusannya. Oleh itu kamu adalah pemimpin maka kamu akan diminta supaya bertanggungjawab di atas pimpinan kamu”.

Pemimpin yang bersifat adil adalah sifat yang mesti ada kepada sesorang pemimpin. Ia merangkumi semua peringkat kepimpinan sama ada di peringkat keluarga, perkumpulan atau satu organisasi yang besar. Islam mengajak manusia menepati keadilan dalam segenap aspek kepimpinan yang diwakili olehnya. Oleh itu pemimpin yang adil tempatnya kelak adalah di bawah naungan ‘Arash’ yang mulia. Kepimpinan daripada kacamata Islam merujuk kepada keperibadian dan segenap aspek tindakan yang dimiliki oleh Rasulullah s.a.w. Ciri-ciri kepimpinan Rasulullah yang baik dan perlu di contohi oleh sesorang pemimpin diantaranya ialah : **a) Berilmu Pengetahuan.** Orang yang berilmu akan ditingkatkan darat dan tarafnya. Demikian menurut Al Quran, pemimpin dalam sebuah organisasi semestinya mempunyai ilmu pengetahuan yang lebih terutama aspek-aspek teknikal dan juga pengurusan yang lebih terutamanya aspek-aspek teknikal dan juga pengurusan dalam organisasi. **b) Teras Aqidah yang kukuh;** Seorang pemimpin yang beriman dan mempunyai asas akidah yang kukuh akan berjaya dalam kepimpinannya kerana setiap tindakannya adalah bersandarkan kepada ajaran Islam. Bertindak dengan yakin dan beretika dalam mencorakkan kepimpinan berlandaskan prosedur kerja yang sebenar.

c) Amanah. Sifat amanah adalah sifat yang dimiliki oleh Rasulullah S.A.W. Sudah semestinya pemimpin mewarisi sifat tersebut untuk memastikan pekerjaan yang dilakukan dengan bersungguh-sungguh dan menjauhi daripada perbuatan pecah

amanah, pemalsuan dan juga rasuah, yang boleh meruntuhkan organisasi yang dipimpin.

d) **Benar dalam perkataan dan tindakan.** Sesaorang pemimpin perlu melaksanakan apa yang diucapkan dan bertindak berdasarkan fakta yang benar agar tidak menimbulkan kecelaruan dalam organisasi yang dipimpin atau dipertikaikan kredibilitinya. e) **Bijak dalam menangani masalah.** Sesaorang pemimpin seharusnya dapat menangani sesuatu permasalahan itu dengan bijaksana dan berhemah, di samping mempunyai ketokohan yang boleh menyakinkan anak buahnya dalam melaksanakan sesuatu tindakan dengan berkesan dan sempurna. f) **Keadilan yang meliputi segenap aspek yang dipimpin.** Pemimpin sesebuah organisasi wajib mempunyai sefat keadilan dalam setiap aspek kepimpinannya kepada orang bawahannya dan juga orang yang berurusan dengannya agar setiap mereka itu terhindar dari sifat tidak puas hati atau memberontak disebabkan perkara tersebut.

g) **Bersifat Rohim.** Sabda Rasulullah s.a.w : Perumpamaan baginda dengan umatnya ialah seperti orang yang menghalau kupu-kupu dan belalang yang berkerumun di sekeliling api. Baginda menarik umatnya dari belakang agar mereka tidak jatuh ke dalam api tetapi mereka selalu berlepas tangan dari baginda. Sabdanya lagi “Sebaik-baik pemimpin ialah yang kamu mencintai dan mencintaimu, dan kamu mendoakan dan dia mendoakanmu, dan sejahat-jahat pemimpin ialah yang kamu benci dan yang membenci kamu....” h) **Sentiasa menyampaikan perkara-perkara yang baik dan pesan dengan perkara-perkara yang benar.** Pesanan Rasulullah s.a.w. “ Sampaikanlah dariku walaupun satu ayat. Sebagai seorang pemimpin sudah sewajarnya mengingatkan anak buahnya dengan nasihat yang baik selaras dengan ajaran Rasulullah, khususnya dalam melaksanakan amal ma'aruf dan dalam mencegah kemungkaran. i) **Seorang Lelaki.** Pemimpin lelaki mempunyai beberapa kelebihan berbanding wanita dari segi kepimpinan. Pandangan yang jauh dan bermakna, lebih utama dari mengutamakan perkara yang dekat dan remeh, dari soal -soal kepimpinan. Kaum wanita adalah penting dari segi mengukuhkan organisasi dan perkara-perkara yang perlu dihalusi untuk mencapai kesempurnaan

1.2 Latar Belakang Masalah

Dalam kajian ini menekankan sejauhmana guru-guru besar mengamalkan ciri-ciri kepimpinan Rasulullah. Ini adalah untuk memastikan bahawa sekolah diurus sebaik mungkin dengan mengamalkan amalan-amalan mulia. Kepimpinan Rasulullah sekiranya diamalkan akan dapat menjadi penawar kepada apa juga permasalahan dalam keluarga, sekolah, masyarakat dan negara. Sejak akhir-akhir ini juga, kita sering dikejutkan dengan pelbagai sikap dan tingkahlaku pemimpin dalam sektor kerajaan dan juga dalam sektor swasta yang terlebat dalam kes-kes pecah amanah, kes penyelewengan, rasuah, salahguna kuasa, gangguan sexual dan juga pelbagai lagi kesalahan yang lain. Tidak ketinggalan juga pemimpin di peringkat sekolah yang terlibat dalam gejala ini. Dalam Al Quran Allah melarang perbuatan rasuah atau salah guna kuasa sebagai mana yang disebut dalam surah al Baqarah ayat 188 yang bermaksud;

“ . dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan Yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia Dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya).”

Hadith Nabi juga menyatakan “ Rasulullah melaknat orang yang memberi rasuah, yang menerima dan yang menjadi pengantara” Hadith Riwayat Ahmad dan Hakim.

Begitu juga dengan anak-anak murid dan pelajar-pelajar di sekolah yang telah terlibat dan terjebak dalam aktiviti gejala sosial, seperti merokok, menonton video lucu, mencuri motosikal, ponting sekolah, berzina, mengandung dan melahirkan anak liar nikah dan sebagainya yang perlu ditangani segera. Mudah-mudahan dengan adanya pengamalan konsep dan pendekatan ciri-ciri kepimpinan Rasulullah dan kepimpinan Islam di sekolah para pentadbir di sekolah akan dapat mengamalkan dan

mengaplikasikan dalam pentadbiranya dan juga dalam kehidupan sehariannya. Kesan kepimpinan di sekolah iaitu guru besar ini juga boleh dilihat dari hasil produk yang di keluarkan oleh sesebuah sekolah itu. Bagaimanakah murid-murid yang dididik dan diajar dengan ajaran-ajaran Islam dan akhlak mulia dapat keluar dari sekolah dengan mengamalkan akhlak yang mulia dan terpuji serta mempunyai kelulusan akademik yang membolehkan mereka berdikari dalam menyediakan diri dalam kehidupan dan juga di alam pekerjaan.

1.3 Pernyataan Masalah

Kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap penagamalan kepimpinan Rasulullah dalam kalangan pemimpin khasnya guru besar di Daerah Pontian. Ia juga bertujuan untuk menganalisis atau meneliti perbezaan persepsi berdasarkan demografi seperti jantina dan pengalaman mengajar guru. Di dalam membentuk peribadi dan akhlak yang mulia di kalangan para pemimpin di pejabat mahupun di sekolah dan juga keberkesanan pentadbiran sesaorang pemimpin itu perlulah kita memastikan bahawa setiap peraturan dalam perkhidmatan dipatuhi dengan penuh rasa jujur dan bertanggung jawab. Di peringkat kerajaan pula pada 23 April 2004, Pardana Menteri Malaysia pada masa itu iaitu YAB berhormat Dato Seri Abdullah Bin Haji Ahmad Badawi telah melancarkan Pelan Intergriti Nasional (PIN) yang bermatlamat agar setiap penjawat awam mempunyai integeriti yang tinggi iaitu mempunyai himpunan kualiti unggul yang wujud di kalangan individu dan kualiti ini berteraskan kepada perinsip berpegang teguh kepada kejujuran dan amalan bermoral tinggi. Di peringkat individu, integriti ini ialah keselarasan di antara apa yang dikatakan dengan apa yang dilakukan; keselarasan diantara tindakan dengan prinsip morel, etika dan undang-undang serta keselarasan diantara kepentingan diri dengan kepentingan umum dan apa yang dilakukan itu tepat dan bermutu. (Mazilan Musa, Izal Arif Zahrudin, Suzanna Che Moin, 2005).

Apa yang paling penting pemimpin di sekolah perlu merujuk dan mencontohi ajaran-ajaran yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w selaku pemimpin agung kepada seluruh umat manusia. Banyak ciri-ciri kepimpinan Rasulullah yang boleh dicontohi dan diikuti dalam mentadbir sesebuah sekolah. Kepimpinan yang berteraskan kepada

ajaran tauhid bukan sahaja akan mendapat kejayaan di dunia tetapi juga mendapat keredaan di sisi Allah s.w.t. Rasulullah membawa contoh yang baik dan memabawa rahmat ke seklian alam sebagaiman Firman Allah sw.t. di dalam Al Quran ,Surah Al Anbiya: 107):

Maksudnya:” Dan tidak aku utuskan engkau wahai Muhammad melainkan untuk membawa rahmat ke seluruh alam “.

Kementerian Pelajaran Malaysia sendiri telah mewajibkan matapelajaran Pendidikan Islam di setiap peringkat perekolahan bagi memastikan murid-murid mendapat pendedahan awal pendidikan agama Islam seawal mungkin. kerana pelajar hari ini adalah pemimpin pada masa akan datang.

1.4 Objektif Kajian

Pada keseluruhannya objektif kajian ini adalah untuk :

1.4.1 Mengenal pasti kepimpinan Rasulullah yang menjadi amalan guru besar di sekolah kebangsaan.

1.4.2 Mengenalpasti sama ada terdapatnya perbezaan antara pengamalan ciri-ciri kepimpinan Rasulullah dalam kalangan guru-guru besar berdasarkan jantina dan pengalaman mengajar guru besar.

1.4.3 Mengenalpasti nilai yang kurang diamalkan oleh guru besar dalam pentadbiran di sekolah.

1.4.4 Mengenal pasti hubungan antara amalan ciri-ciri kepimpinan dengan amalan di rumah.

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada objektif kajian yang di jalankan penyelidik mengharapkan ianya dapat menjawab beberapa persoalan berikut.

1.5.1 Apakah amalan kepimpinan Rasulullah yang diamalkan oleh guru besar di Sekolah.

1.5.2 Apakah terdapatnya perbezaan antara pengamalan ciri-ciri kepimpinan Rasulullah di dalam kalangan guru besar dengan jentina.

1.5.3 Apakah nilai yang kurang diamalkan oleh guru besar dalam pentadbiran di sekolah.

1.5.4 Apakah terdapatnya hubungan yang signifikan antara pengamalan ciri-ciri kepimpinan Rasulullah di dalam kalangan guru-guru besar dengan amalan di rumah.

1.6 Kepentingan Kajian

Penyelidik merasakan kajian ini adalah penting bagi memastikan pihak pentadbir sekolah mempunyai karisma yang tinggi bagi mentadbir sekolah berpandukan kepada sunnah Rasulullah yang sebenar. Ini adalah penting bagi memastikan bahawa sekolah sentiasa dalam kaedaan yang aman, terkawal mengamalkan amalan-amalan agama dengan lebih mendalam, ikhlas, berbudi luhur dan saling hormat –menghormati antara satu sama lain. Ini bukan sahaja dapat mengesan pemimpin yang bermasalah tetapi ianya juga akan dapat membantu pentadbir sekolah bagi menimba seberapa banyak mungkin latihan mencari maklumat berkenaan apa

persoalan yang diutarakan. Penyelidikan dan kajian dapat membantu kita mencari kebenaran atau sesuatu fenomena dan keadaan.

1.6.1. Berdasarkan hasil kajian ini diharapkan ia akan dapat membantu pihak pentadbir sekolah mengenal pasti amalan kepimpinan rasulullah yang sewajarnya diamalkan bagi menyumbang kepada keberkesanan pentadbiran dan kecemerlangan sekolah .

1.6.2 Berdasarkan kajian ini kita mengharapkan guru-guru besar dapat mengaplikasikan ciri-ciri kepimpinan Rasulullah dalam pentadbiranya di sekolah dengan bersungguh-sungguh dalam setiap aspek bagi kemajuan sekolah.

1.6.3. Diharapkan kajian ini juga dapat membantu mengenalpasti ciri kepimpinan rasulullah yang boleh menjadi pemangkin kometmen guru terhadap tugasannya harian dan meningkatkan pristasi murid dalam pelajaran.

. 1.6.4 Melalui kajian ini diharapkan ianya akan dapat menjadikan sekolah sebagai satu Institusi penting bagi menyemai sifat-sifat yang mulia dan amalan ajaran agama Islam yng mulia terhadap pelajar, guru-guru dan masyarakat sekeliling bagi melahirkan generasi yang beriman dan berpegang teguh dengan ajaran Islam.

1.7 Skop Kajian

Kajian ini dijalankan kepada guru-guru pendidikan Islam dan j-Qaf di lima puluh lima buah sekolah rendah di Daerah Pontian, Johor bagi menilai ciri-ciri kepimpinan Rasulullah yang ada diamalkan atau dilaksanakan oleh guru besar di sekolah masing-masing. Pengambilan ini adalah secara rawak.

1.8 Batasan Kajian

Memandangkan kajian ini dijalankan kepada responden yang terdiri daripada guru-guru pendidikan Islam di sekolah mereka untuk menilai guru-guru besar masing-masing di lima puluh lima buah sekolah rendah, kaedah mengisi borang kaji selidik perlu diperjelaskan secara terperinci sebelum mengisi orang tersebut agar tidak tersalah mengisinya. Bagi memastikan borang-borang kaji selidik itu sampai ke tangan guru-gurua pendidikan Islam dan memastikan borang tersebut itu dapat dipulangkan semula setelah diisi, pihak penyelidik telah menguruskan sendiri penyerahan borang dan pengumpulan borang kaji selidik itu. Memandangkan persoalan kajian yang dijalankan ini berkaitan sikap dan tingkah laku pemimpin di sekolah tersebut maka setiap kelakuan pemimpin itu dinilai dari kacamata responden terhadap kepimpinan guru besar mereka di sekolah dan bukan penelitian tingkah laku setiap individu guru besar itu sendiri dalam setiap masa.

Selain dari itu, bahan rujukan yang berkaitan dengan kepimpinan Rasulullah adalah terhad dan ini sedikit sebanyak memberi masalah kepada penyelidik. Namun begitu ianya dapat diatasi dengan membuat rujukan intensif terhadap buku-buku sirah nabawiyah bagi mengukuhkan kajian ini di samping penulisan penyelidikan yang terdahulu.

1.9 Definasi Operasional

Di dalam kajian ini terdapat beberapa istilah penting yang perlu penyelidik jelaskan. Takrifan ini adalah berdasarkan kepada tajuk kajian yang dibuat iaitu Pengamalan Ciri-Ciri Kepimpinan Rasulullah Dalam Kalangan Guru-Guru Besar.

1.9.1 Pengamalan

Pengamalan adalah dari kata dasar amalan. Di dalam kamus Dewan bahasa dan Pustaka (1994), amalan ialah sesuatu yang dilakukan atau dikerjakan atau sebagai sesuatu kebiasaan. Ianya juga boleh diertikan sebagai perbuatan yang baik atau kebajikan.

1.9.2 Ciri-Ciri

Mengikut kamus Dewan (1994) ciri bermaksud sifat. Ciri-ciri bermaksud Sifat-sifat. Dalam kajian ini ciri-ciri diertikan sebagai sifat-sifat kepimpinan Rasulullah.

1.9.3 Kepimpinan Rasulullah

Di dalam kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (1994), kepimpinan pula membawa maksud keupayaan memimpin. Memimpin pula membawa erti memegang tangan dan membawa berjalan menuju kesuatu tempat yang di sebut juga menuntun. Kepimpinan juga bermaksud mengepalai atau mengetuai serta mengendalikan sesuatu organisasi, badan pertubuhan, pergerakkan atau segara. Maksud Rasulullah di dalam kamus dewan (1994) menyatakan bahawa Rasulullah ialah Utusan Allah atau Pesuruh Allah iaitu Allah telah melantik Nabi Muhammad s.a.w. sebagai pesuruh Allah. Kepimpinan Rasulullah pula membawa maksud cara rasulullah memimpin umatnya dalam setiap bidang kehidupan sama ada dalam mentadbir dan menguru negara, keluarga dan masyarakat.

1.9.4. Guru besar-guru Besar.

Dalam Kamus Dewan(1994 guru besar ditakrifkan sebagai ketua guru yang mengetuai atau mentadbir sesebuah sekolah rendah . Menurut Abdul Ghani Abdulla, Abdul Rahman Abd Aziz, Mohammad Zohir Ahmad (2010), Guru Besar ialah Seorang pemimpin pendidik yang mengisi kedudukan dalam sekolah melalui kedudukan jawatan formal dan perlu membuat keputusan dan interpretasi berkaitan warga organisasi maupun masyarakat. Dalam kajian ini guru besar di maksudkan sebagai pentadbir di sesebuah sekolah rendah.

1.10 Rumusan

Dalam kajian ini penyelidik membahagikan kepada lima bab. Bab pertama pada dasarnya adalah pengenalan kepada kajian dan masalah yang akan dikaji. Ini ditentukan di atas tujuan dan objektif kajian. Soalan-soalan kajian yang diutarakan oleh penyelidik adalah menjurus kepada mencari jawapan yang mana ia mendasari seluruh objektif kajian.

Dalam bab dua pula penyelidik melihat sorotan kajian dan kerja penyelidikan yang berkaitan dengan cirri-ciri kepimpinan Islam serta apa yang dikatakan guru besar sebagai pemimpin di sekolah. Dan dalam bab ini penegasan sorotan kajian adalah kearah ciri-ciri kepimpinan Rasulullah itu sendiri.

Dalam bab tiga menjurus kepada metodologi kajian. Ianya menjelaskan persoalan kerja, lokasi dan kaedah pengumpulan data dan analisis data. Semua data ini di kumpul melalui borang kaji selidik yang diedarkan.

Dalam bab empat pula menjelaskan pendekatan kajian secara terperinci tentang penyelidikan dan justifikasinya, termasuk penerangan kepada konsep dalam kajian ini. Beberapa teknik untuk menganalisa data akan digunakan berasaskan kepada respon yang diterima dari responden.

Dalam bab lima akan menjelaskan tetang analisis data secara terperinci. Penerangan dengan menggunakan jadual dan gambarrajah akan diberikan sebagai penjelasan terhadap data yang kumpulkan. Ianya berupa pembuktian tentang pengamalan cirri-ciri kepimpinan Rasulullah di sekolah dan hasil daripada analisa keseluruhan akan diterangkan dalam bab ini.

Akhirnya kesimpulan kajian daripada keseluruhan bab dalam bentuk penemuan, kajian dan strategi penambahbaikan dan pemurnian semua proses penyelidikan yang dijalankan. Diterangkan juga implikasi dan penemuan kajian dan batasan kajian yang mungkin pengkaji lain tertarik untuk membuat kajian lanjutan bagi masa akan datang.

RUJUKAN

Al Quran Al Karim, (1990) *Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al Quran*
 Kuala Lumpur, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.

Abul Hassan Ali an-Nadwi, (1983). *Riwayat Hidup Rasulullah S.A.W.*
 Singapura. Pustaka Nasional.

Adnan Aabed, (2006), *A study Of Islamic Leadreship Theory And Practice In K-12 Islamic Schools In Michigan*. Adissertation submitted to the faculty of BrighamYoung, Universiti, In partial fulfillment of requirements for degree of Doctor of Philosophy.

Al Bukhari: M. I . . (1994). *Summarized Shahih Al Bukhari : Arabic-Engkish* (M.M.Khan, Trans). Riyadh, Saudi Arabia: Dar-us-Salam Publications. (Original work published in the 9th century).

Al Ramaiah, (1999). *Kepimpinan Pendidikan Cabaran Masa kini*. Petaling Jaya : BS Buku Sdn Bhd.

Aminuddin Mohd Yusof, (1994). *Kepimpinan, Motivasi an Prestasi: Model Guru dan Tentera*. Kuala Lumpur.Dewan Bahasa Dan Pustaka

Andek Masnah (1999). *Kepimpinan Wanita dalam Islam Kedudukannya dalam Syariah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Barnand M. Bass (1985). *Leadership and performance beyond expectations*. New York: Free Press.

Beekun, R.I. & Badawi, J. (1999). *Leadersip: An Islamic perspective*. Beltsvillen. Mana Publications.

Bennis, W. (1959). *Leadership Theory Administrative Behaviours: The Problem of Aurority*; Admininitrative Science Center. Universiti of Pithsburgh

Budiman Sahali,(2008). *Pengaruh Kepimpinan Guru Besar Terhadap Penarafan Sekolah Berdasarkan Standard Kualiti Pendidikan Malaysia*. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Ijazah Sarjana.

Campbell, R.F.,Fleming, T, Newell, L.J.,& Bennion, J.W. (1987). *A history of thought and practice in educational administration*. New York: Teacher College Press.

Chowdbury, N. (2001), *Leadership Strategies And Global Unity For the 21st Century: An Islamic Perspective. Paper presented at the IGS-ICOJ International Confrence On Leadership ana Unity In Islam*, Kobe, Japan: Writers Club Press.

Davies B.& Ellison L. (1998). *School Leadership & Management. Vol 18(4): 447-448.*

Filder, F.E.(1967). *Thoory Of Leadership Effectivenss*. New York: McGraw Hill Francisco: Jossey Bass.

Hidris Shaari (2007), *Persepsi Pelajar Terhadap Amalan dan Prinsip dan Ciri Kepimpinan Islam di Kalangan Guru-Guru. Satu Kajian Di Sekolah Menengah Tinggi Agama Johor*. Universiti Teknologi Malaysia.Tesis Ijazah Sarjana.

Hughes,R.L., Ginnet, R.C., & Cruply, G.J. (1999). *Leadership: Enhancing the lessons of experience*. Boston: Irwin Mac Graw-Hill.

Hussien Mahmood, (1989), *Kepimpinan dan Keberkesanan Sekolah*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur.

Hussein Mahmood (1997) *Kepimpinan dan Keberkesanan Sekolah*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ismail Noor, (2000). *Kepimpinan Nabi Muhamad S.A.W. Pengurusan Altruistik Model Ikutan Sepanjang Masa*. Kuala Lumpur: Utusan Publications dan Distributors Sdn Bhd.

Kamus Dewan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Edisi (1994).

Lokman Mohd Tahir (2011), *Teori-teori kepimpinan*, Skudai, Johor: Universiti Teknologi Malaysia.

Lokman Mohd Tahir Dan Robiah Sidin (2008), *Orientasi Kepimpinan Pengetua Sekolah Menengah Di Johor*. Jurnal Teknologi. 48(E):85-97.

Mazilan Musa, Izal arif Zahrudin, Suzana Che Moin, (2005), *Etika Dan Integeriti di Malaysia*, Kula Lumpur: Institut Aminuddin Baki.

Michel H. Hart (1978). *The 100: A Ranking Of The Most Influential Persons In History*. The Universiti of Michigan. Hurt Pub.co.

Mohd. Majid Konting.(1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka

Mohd Najib Abd Ghafar (1999&2003), *Kaedah Penyelidikan*, Skudai Johor:
Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Salleh dan Mohd Afandi Hassan , (2000), *Kecemerlangan Pentadbiran, Dasar dan amalan Dalam Islam*, Kuala Lumpur :Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Syafique.(1997). *Rasulullah S.A.W. Sebagai Hamba Allah, Pemimpin Pendakwah, Sahabat, Bapa dan Suami*. Kuala Lumpur: Percetakan Putrajaya Sdn Bhd.

Ralph M. Stogdill (1984). *Personal Factors Associated With Leadership: A Survey Of The Literature*. Journal Of Psychology. 25(10): 35-71.

Robiah K. Hamzah, (2001), *Taknik dan Strategi Membimbing Remaja dalam Kepimpinan*, Kuala Lumpur. Percitakan Cergas.

Sa'id Ramadan al-Buti (1983). *Fiqh Sirah*, Shah Alam. Dewan Pustaka Fajar.

Shafie Hj Mohd Salleh, Mohd Affandi Hassan (1991), *Kecemerlangan pentadbiran, Dasar Dan Amalan Dalam Islam*, Kuala Lumpur : Institut Tadbir Awam Negara.

Stoll, L dan Fink, D. (1996).*Changing our schools : Linking school effectiveness and school improvement*, Bickingham : Open Universiti Press.

Syed Othman Al- Habsyi dan Hamiza Ibrahim; (1998) .*Pengurusan dan Pentadbiran Mencapai Kecemerlangan Melaluinya, Penghayatan Nilai*. Institut Kefahaman Islam Malaysia, Edisi Pertama, 1998.

William Slim & Cole D, (1968), *Student Attitude And Achievement. American Journal Of Sociology*, Vol 63: 36-53.

Yahya Don,(2005). *Kepimpinan Pendidikan Di Malaysia*, Kuala Lumpur, PTS Professional Publishing Sdn Bhd.

Zaidatol Akmaliah Lope Pihie Soaib Asmiran (2002), Modul EDU 3053, *Kepimpinan Pendidikan*, Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Zaidatuol Akmaliah Lope Pihie dan Foo Say Fooi (2003). *Pengurusan dan kepimpinan Pendidikan: Satu Langkah ke Hadapan*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.